



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PEMBANGUNAN INDUSTRI MINERAL

Semalam, saya selaku Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Industri Mineral (JKPPIM) yang pertama.

Mesyuarat ini merupakan forum bagi melihat dan memperincikan isu industri mineral negara serta membantu mempercepatkan proses pembuatan keputusan berkaitan industri mineral, disamping menggalakkan kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pengurusan isu-isu mineral.

Ia telah dihadiri oleh Menteri-Menteri Besar Perak, Terengganu, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Timbalan Menteri Sarawak dan Exco-Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas mineral serta Ketua Jabatan Persekutuan yang terlibat dalam pengurusan mineral. Turut hadir dalam mesyuarat JKPPIM ini termasuk pakar dalam bidang perlombongan, pemuliharaan alam sekitar dan pembuatan.

Pada Mesyuarat Majlis Mineral Negara 2 (MMN2) yang telah diadakan pada 8 Mei 2023 yang lalu, kami telah bersetuju supaya Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Industri Mineral (JKPPIM) ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) serta dianggotai oleh Exco-Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas mineral.

Jawatankuasa ini juga akan melihat keperluan dalam melaksanakan rangka kerja kebangsaan bagi pembangunan industri mineral contohnya untuk pengekstrakan REE. Bagi menyahut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK-12, kerajaan negeri dibenarkan melaksanakan eksplorasi awal REE berdasarkan SOP NR-REE dan dasar-dasar mineral sedia ada.

Kertas pertimbangan yang telah dibentangkan ialah Kerangka Dasar Mineral Negara 3. Manakala kertas makluman pula ialah Potensi Sumber Mineral Strategik dan Sumbangannya Sebagai Kekayaan Baharu, Laporan Pengauditan Pelaksanaan Projek Perintis Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan dan Perkara-Perkara Utama Daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Mineral Negara Kedua dan Majlis Tanah Negara Ke-80.

Manakala Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke 80 pada 12 September 2023 telah membuat beberapa keputusan antaranya Dasar Mineral Negara baharu (DMN3) akan dirangka bagi memacu pembangunan industri mineral yang menyeluruh dan

Kerajaan akan membangunkan dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi bagi mengelakkan eksloitasi dan kehilangan sumber.

Dasar Mineral Negara 3 (DMN3) memberikan tumpuan kepada usaha memperkasa perundungan dan persekitaran industri, mengukuhkan keseluruhan rantaian nilai industri, meningkatkan pengaplikasian teknologi terkini, memperkasa modal insan tempatan dan memantapkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam industri mineral.

NRECC juga sedang meneliti potensi untuk membangunkan industri pertengahan dan hiliran bagi industri mineral negara. Ini bagi memastikan potensi ekonominya dapat direalisasikan sepenuhnya dan tidak hanya bergantung kepada pengeksportan mineral mentah. Pelaburan berkualiti komitmen daripada Kerajaan-kerajaan negeri akan dapat memastikan industri yang diwujudkan, memberi impak positif kepada ekonomi negara.

Dengan adanya JKPPIM ini, saya harap aktiviti perlombongan dan pengkuarian di Malaysia dapat dilaksanakan secara bertanggung jawab dan mampan agar kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara.

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

3 OKTOBER 2023